

# BICARA EKONOMI

Mohammad Haji Alias



UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA  
جامعة العلوم الإسلامية الماليزية  
ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA

# **BICARA EKONOMI**

# BICARA EKONOMI

Prof. Dr. Mohammad Haji Alias  
Fakulti Ekonomi dan Muamalat, USIM



UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

جامعة العلوم الإسلامية الماليزية  
ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA

Penerbit USIM  
2009

Cetakan Pertama 2009  
© Hak cipta terpelihara Universiti Sains Islam Malaysia 2009

Hak cipta terpelihara, tiada mana-mana bahagian daripada buku ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar kepada apa-apa bentuk dengan sebarang cara sekalipun tanpa izin bertulis daripada penerbit.

Diterbitkan di Malaysia  
Penerbit USIM  
Universiti Sains Islam Malaysia  
Bandar Baru Nilai  
71800 Nilai  
Negeri Sembilan  
Tel: 06-798 8044 Faks: 06-798 6083

Reka letak dan Urus cetak  
Reka & Cetak Resources  
No. 6, Jalan Sri Sarawak 20B  
Taman Sri Andalas, 41200 Klang  
Selangor Darul Ehsan

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-penerbitan

Mohammad Haji Alias

Bicara ekonomi / oleh Mohammad Haji Alias

ISBN 978-983-2950-94-3

1. Economics--Malaysia. I. Judul.

338.9595

# KANDUNGAN



<i>Pendahuluan</i>	<i>ix</i>
<i>Kata Pengantar</i>	<i>xv</i>

## **BAHAGIAN PERTAMA : ISU-ISU EKONOMI**

Kegiatan eksport bantu pertumbuhan ekonomi	1
Globalisasi: Apa maknanya kepada kita?	3
Pengajaran daripada krisis kewangan Asia Timur	5
Keperluan mengukuh imbalan perdagangan	8
Memahami asas ekonomi makro	10
Ahli ekonomi perlu guna pendekatan multidisiplin	12
Malaysia guna dasar fiskal pulih ekonomi	15
Prospek ekonomi Malaysia pada 2001	17
Pembinaan keupayaan ke arah kecemerlangan	19
Fungsi bank dalam pembangunan ekonomi negara	22
Satu analisis krisis ekonomi	24
Peluang memahami peralihan, perubahan ekonomi	27
Rantaian ekonomi antara negara-negara dalam ASEAN	29
Perubahan struktur ekonomi Malaysia	31
Kesesuaian masa perubahan ekonomi	34
Memacu pertumbuhan ekonomi melalui perbelanjaan pengguna <i>(Bersama Abdul Razak Chik)</i>	36
Keputusan penggunaan dari perspektif Islam <i>(Bersama Abdul Razak Chik)</i>	39
Zakat membangun ummah	42
Masalah kemiskinan, ketaksamaan isu ASEAN	45
Kebolehpasaran graduan di luar negara kena diutamakan	48

**BAHAGIAN KEDUA : ISU PERLADANGAN DAN PEKEBUN KECIL**

Masa hadapan industri getah asli Malaysia	53
Adakah industri getah asli Malaysia mempunyai masa hadapan yang cerah?	55
Peranan teknologi dalam pembangunan getah asli Malaysia	57
Membela nasib pekebun kecil getah.	60
Industri sawit: Tangani kos, pengeluaran dan tenaga kerja	65
Cabaran besar petani pada era k-ekonomi	67
Penanaman semula kelapa sawit wajar diutamakan	70
Kos pinjaman dan penawaran minyak sawit	72
Pembiayaan bank penting untuk pertanian komersil	74
Kesan dasar kerajaan terhadap penawaran getah asli	76
Menangani masalah kejatuhan harga minyak sawit	79
Usaha dekatkan petani dengan ilmu k-ekonomi.	81
Pendekatan bersepadu tangani masalah industri sawit Malaysia	86
Industri perladangan memerlukan pegurusan krisis	89
Bagaimana petani boleh memanfaatkan ICT	92
Bagaimana petani boleh memanfaatkan ICT ( <i>sambungan</i> )	94

**BAHAGIAN KETIGA : ICT DAN PEMBANGUNAN K-EKONOMI**

E-dagang	99
K-ekonomi: satu pengenalan	101
Revolusi teknologi maklumat dan komunikasi: Implikasi terhadap pendidikan ekonomi	104
Modal manusia pastikan kejayaan k-ekonomi	106
Sumbangan teknologi maklumat dan komunikasi dalam sektor pembuatan	109
ICT mampu peringkat kecekapan, produktiviti	112
Peranan kerajaan dan swasta bangun k-ekonomi	114
Prasyarat untuk jadi negara k-ekonomi	116

## *Kandungan*

Belanjawan 2001 sedia asas k-ekonomi	119
Pertumbuhan jangka panjang berkekalan menerusi k-ekonomi	122
Pendidikan ekonomi dan pengeluaran k-pekerja	124
Aplikasi pengurusan maklumat dalam pengurusan ekonomi	126
UUM, MDC anjur persidangan antarabangsa pengurusan maklumat	128
Potensi modal teroka sebagai pemangkin k-ekonomi	130
K-ekonomi galak industri modal teroka	133
KUIM bakal lahirkan k-pekerja	136
<i>Glosari</i>	<i>140</i>
<i>Rujukan</i>	<i>142</i>

## PENDAHULUAN



Buku ini mengandungi rencana terpilih yang telah disiarkan di Berita Harian dari tahun 2000 hingga 2002 dalam kolum mingguan Bicara Ekonomi kecuali satu rencana bertajuk “Kebolehpasaran graduan di luar negara kena diutamakan” (Berita Harian, 8 Mei 2007). Rencana-rencana telah ditulis semasa penulis bertugas di Sekolah Ekonomi, Universiti Utara Malaysia (UUM) dari Mei 1999 hingga Januari 2002. Rencana-rencana ini mengupas isu ekonomi semasa, isu perladangan dan pekebun kecil serta isu ICT dan pembangunan k-ekonomi. Rencana ini ditujukan kepada masyarakat umum dengan menerangkan isu-isu semasa secara ilmiah tetapi menggunakan gaya bahasa yang mudah difahami. Penulis mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak Berita Harian yang telah memberi kebenaran untuk rencana-rencana ini diterbitkan dalam buku ini. Penulis juga mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Dato’ Naib Canselor dan Jawatankuasa Penerbitan Universiti Sains Islam Malaysia dan Penerbit USIM atas persetujuan untuk menerbitkan buku ini. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih juga diucapkan kepada pihak UUM atas segala kemudahan yang telah disediakan untuk memudahkan penulis menulis rencana-rencana ini.

Ekonomi Malaysia telah mengalami satu kemelesetan ekonomi yang getir kesan penularan daripada pengapungan baht Thailand pada Julai 1997. Peristiwa ini merupakan pencetus utama krisis kewangan Asia Timur pada tahun 1997-1998. Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) satu ukuran pengeluaran barangan dan perkhidmatan negara telah menguncup sebanyak 7.5% pada tahun 1998 selepas melalui prestasi pertumbuhan ekonomi yang pesat dari 1991 hingga 1996 dengan kadar pertumbuhan purata tahunan 8.7% (Poon, 2008: 209). Jika tidak dibantu oleh kenaikan signifikan dalam harga komoditi eksport utama seperti minyak sawit, getah dan minyak petroleum, kemerosotan ekonomi tentu lebih mendalam lagi.

Pihak kerajaan telah melaksanakan pelbagai langkah untuk memulihkan keadaan ekonomi. Respon awal adalah menaikkan kadar faedah dan mengetatkan dasar fiskal untuk memulihkan semula keyakinan pasaran. Pendekatan ini tidak berkesan malah memburukkan lagi keadaan. Banyak syarikat, individu, usahawan dan perniagaan menghadapi masalah aliran mudah tunai yang serius. Perniagaan mereka terjejas menyebabkan kesulitan untuk membayar hutang kepada bank. Kesannya adalah peningkatan mendadak dalam hutang lapuk yang dihadapi oleh bank-bank. Untuk menangani masalah ini kerajaan melaksanakan dasar fiskal yang mengembang dan dasar kewangan yang lebih longgar. Pada bulan September 1998 kerajaan melaksanakan beberapa pakej dasar yang bertujuan untuk melindungi dasar kewangan daripada turun naik keadaan luar negara dengan menamatkan ringgit Malaysia kepada dolar Amerika. Di samping itu dilaksanakan kawalan terpilih dalam pertukaran dan modal serta ransangan fiskal untuk merencanakan pembentukan modal (Okposin, 1999: 78; Poon, 2008: 12).

Langkah-langkah yang diambil memberi kesan positif kepada ekonomi negara. Petanda-petanda awal pemulihan ekonomi adalah peningkatan dalam rizab antarabangsa dari US\$20.2 bilion pada akhir Ogos 1998 kepada US\$22.9 bilion pada akhir Oktober 1998. Sementara itu imbalan dagangan menunjukkan lebih sebanyak RM32 bilion untuk lapan bulan pertama tahun 1998. Bank Dunia telah meramalkan ekonomi Malaysia akan pulih daripada kemelesetan pada tahun 1999 dengan kadar pertumbuhan output melebihi 2%. Pencapaian sebenar adalah pertumbuhan dalam KDNK pada harga tetap sebanyak 6.1% dan 8.9% pada tahun 2000.

Tempoh rencana-rencana ditulis iaitu 2000-2002 merupakan tempoh pemulihan semula ekonomi Malaysia yang berpaksikan kepada kawalan modal, penamatan ringgit Malaysia kepada dolar Amerika mulai September 1998 dan pelaksanaan langkah-langkah pemulihan ekonomi seperti digariskan dalam Rancangan Pemulihan Semula Ekonomi Negara yang digariskan oleh Majlis Tindakan Ekonomi Negara (Okposin et al., 1999: 105-106).

Rencana-rencana dalam buku ini dibahagikan kepada tiga bahagian. Dalam bahagian pertama yang membincangkan isu-isu ekonomi umum, penekanan diberi terhadap hakikat Malaysia adalah

sebuah ekonomi yang terbuka. Integrasi yang tinggi dalam ekonomi global mendedahkan ekonomi Malaysia kepada kesan positif atau negatif kitaran ekonomi dunia khususnya ekonomi negara industri dan rakan perdagangan utama. Dalam bahagian kedua dibincangkan isu-isu perladangan dan pekebun kecil. Isu ini penting dalam konteks pembangunan sektor luar bandar dan usaha pembasmian kemiskinan dan pengurangan jurang antara bandar dan luar bandar. Bahagian ketiga menekankan kepada isu teknologi dan komunikasi maklumat (ICT) dan pembangunan k-ekonomi.

### **Bahagian Pertama: Isu-Isu Ekonomi Umum**

Ekonomi negara telah mengalami perubahan struktur yang pesat manfaat daripada penglibatan dalam ekonomi global. Struktur ekonomi negara telah berubah melalui beberapa fasa (Poon, 2008; Mohammad et al., 2002). Pada fasa pertama selepas negara mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, ekonomi bercirikan pengeluaran komoditi utama getah dan bijih timah untuk dieksport. Pertukaran luar yang diperolehi digunakan untuk mengimport barang-barang pengguna dan barang modal. Dasar perindustrian penggantian import dilaksanakan pada tahun 1960-an untuk meluaskan asas ekonomi. Pada awal tahun 1970-an Malaysia melancarkan program perindustrian yang berorientasikan eksport. Pada dekad 1980-an Malaysia memasuki era perindustrian berat pula. Pada dekad 1990-an Malaysia memasuki era maklumat diikuti dengan pelancaran Pelan Induk K-ekonomi pada tahun 2003. Ciri utama ekonomi negara sejak mencapai kemerdekaan adalah keterbukaannya. Keterbukaan ekonomi diukur dari segi nisbah perdagangan antarabangsa (jumlah eksport dan import) kepada KDNK. Pada tahun 2002 nisbah ini adalah 227.7%.

Malaysia mempunyai sektor industri yang semakin membesar. Ekonomi industri adalah sensitif kepada kitaran perniagaan. Apabila sesebuah ekonomi industri mengembang, kesan positifnya adalah terhadap guna tenaga, harga, jualan dan keuntungan. Sebaliknya penguncupan ekonomi mengakibatkan pengurangan dalam guna tenaga, jualan dan keuntungan. Oleh kerana ekonomi Malaysia sangat terbuka dan bergantung tinggi kepada ekonomi dunia, kitaran ekonomi negara maju khususnya rakan

perdagangan utama seperti Amerika Syarikat, Jepun dan negara Eropah memberi dampak terhadap ekonomi negara melalui eksport.

### **Bahagian Kedua: Isu-isu Perladangan Dan Pekebun Kecil**

Isu-isu perladangan dan pekebun kecil adalah strategik dalam konteks pembangunan pertanian negara khususnya dalam pembangunan sosioekonomi luar bandar. Sektor pertanian merupakan sektor utama negara sehingga 1987 dari segi peratus sumbangan kepada KDNK. Tunggak utama ekonomi negara pada masa kemerdekaan pada tahun 1957 adalah getah asli dan timah yang dihasilkan sebagai barangan mentah untuk dieksport. Dekad 1960-an menyaksikan pengluasan sektor pertanian dengan pembangunan industri kelapa sawit dan koko yang juga dieksport sebagai barangan mentah. Dapatan eksport daripada komoditi-komoditi utama ini telah dimanfaatkan dalam pembangunan infrastruktur negara sama ada fizikal mahupun sumber manusia. Pembangunan sektor perladangan dan pekebun kecil mempunyai dimensi utama dari segi untuk meningkatkan taraf hidup penduduk luar bandar. Di samping itu keupayaan sektor perladangan untuk menghasilkan komoditi utama secara berdaya saing dan menambahkan kekayaan dan pendapatan pengusaha-pengusahanya penting untuk memastikan bekalan yang lestari menyokong perindustrian berasaskan sumber. Artikel-artikel yang diterbitkan menekankan kepada keperluan berikut: penanaman semula kelapa sawit dan getah dengan benih berhasil tinggi; pendekatan bersepadu tidak bergantung kepada satu tanaman sahaja; bagaimana petani boleh mendapat manfaat daripada perkembangan ICT dengan kemasukan negara dalam era k-ekonomi.

### **Bahagian Ketiga: ICT Dan Pembangunan K-Ekonomi**

Wawasan 2020 telah diumumkan pada tahun 1991. Sasaran Wawasan 2020 adalah untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjelang tahun 2020. Ciri negara maju yang diingini adalah negara yang berdaya saing dan berdaya tahan. Di antara strategi-strategi yang digariskan untuk mencapai sasaran Wawasan 2020 adalah industri-industri yang intensif teknologi dan teknologi tinggi dan intensif pengetahuan. Ini adalah berbeza

daripada corak pembangunan pada dekad 1960-an yang bergantung kepada input buruh dan tanah, dekad 1970-an yang ditumpukan kepada pembuatan jenis pemasangan (*assembly-type manufacturing*), dekad 1980-an yang ditumpukan kepada pembangunan industri skala kecil dan sederhana dan bermulanya pembangunan industri skala besar manakala pada dekad 1990-an Malaysia memasuki era maklumat. Pada dekad ini penekanan diberi terhadap pertumbuhan didorong teknologi. Semenjak munculnya abad ke-21 falsafah pembangunan beranjak kepada dorongan teknologi dan dorongan pengetahuan (*technology-driven and knowledge-driven*).

Penekanan terhadap pertumbuhan dorongan teknologi dan dorongan pengetahuan adalah kesan daripada perkembangan dalam teknologi maklumat dan komunikasi. Perkembangan pesat dalam ICT telah mengubah cara perniagaan dilakukan dan kekayaan dijanakan. Kesan perkembangan ini adalah kepada komposisi output, terutamanya dari segi pentingnya kandungan teknologi dan pengetahuan. Malaysia mengorak langkah untuk memasuki ekonomi yang berasaskan pengetahuan (k-ekonomi). K-ekonomi ialah ekonomi yang didorong oleh ilmu pengetahuan berbanding dengan p-ekonomi yang berteraskan pengeluaran, pembuatan dan pemasangan. Imperatif k-ekonomi iaitu perkara-perkara asas yang perlu ada dan dibangunkan adalah sumber manusia yang berkemahiran tinggi yang diberi nama k-pekerja. Di samping itu pengembangan teknologi canggih yang berasaskan penyelidikan dan pembangunan, infrastruktur fizikal dan infrastruktur maklumat yang terkehadapan perlu dibangunkan. Ini adalah untuk memastikan ekonomi negara mempunyai daya saing jangka panjang.

Persaingan dalam pasaran global menjadi semakin sengit. Parameter utama dalam persaingan tidak lagi berasaskan kepada harga semata-mata. Para pengeluar perlu meningkatkan kandungan pengetahuan produk yang dihasilkan di samping bermutu tinggi. Penciptaan pengetahuan baru melalui aktiviti penyelidikan dan pembangunan yang *cutting edge* dan eksploitasi pengetahuan yang dihasilkan memainkan peranan penting dalam penciptaan kekayaan. Justeru untuk bersama dengan arus pembangunan ini, pengukuhan sains dan teknologi adalah penting

sekali. Dalam k-ekonomi pengetahuan adalah jentera utama pertumbuhan ekonomi. Negara-negara sedang membangun yang tidak bersedia untuk mendepani proses globalisasi, liberalisasi dan ledakan maklumat akan terpinggir.

## KATA PENGANTAR



*Bismillahirrahmanirrahim*

*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.*

Terlebih dahulu saya mengucapkan kesyukuran kepada Allah SWT kerana USIM telah berjaya menerbitkan buku *Bicara Ekonomi* yang mengandungi koleksi rencana tulisan Prof. Dr. Mohamad Hj. Alias. Saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak Berita Harian yang memberi kebenaran artikel-artikel ini diterbitkan semula sebagai sebuah buku.

Bidang ekonomi adalah satu bidang dalam sains sosial yang rapat kepada kehidupan dan pengalaman seharian kita. Ini jelas daripada takrif istilah ekonomi itu sendiri. Ekonomi adalah satu cabang sains sosial yang berkaitan dengan pengeluaran dan agihan barangan dan perkhidmatan dan pengurusannya. Sistem ekonomi wujud untuk menyelesaikan persoalan-persoalan pokok iaitu apa, bagaimana dan untuk siapa? Pemain utama dalam sesebuah ekonomi adalah isi rumah, firma atau syarikat, kerajaan dan dunia luar.

Setiap hari kita mendengar dan membaca berita analisis ekonomi dari media cetak dan elektronik. Sebagai individu atau pekerja atau pemilik modal kita seharusnya prihatin terhadap perkembangan ekonomi kerana akhirnya ia memberi kesan kepada kesejahteraan hidup dan ekonomi negara. Pada masa ini berita ekonomi yang utama adalah tentang krisis ekonomi dan kewangan global semasa dan kesannya kepada ekonomi dunia, serantau dan negara. Krisis yang bermula di Amerika Syarikat pada Julai 2007 berkaitan *sub-prime mortgage crisis* yang menular dengan pantas ke Eropah telah memberi kesan negatif kepada ekonomi dunia pada tahun 2008 dan tahun ini.

Koleksi rencana dalam buku *Bicara Ekonomi* ini meliputi isu-isu yang dihadapi oleh sebuah ekonomi yang sedang membangun ke arah Wawasan 2020. Rencana-rencana ini telah ditulis dengan gaya bahasa yang tidak teknikal sesuai untuk bacaan umum. Penghuraian prinsip dan fakta-fakta asas tentang ekonomi Malaysia memudahkan pembaca untuk memahami krisis ekonomi semasa.

Sekian dan terima kasih.

Salam hormat.

**PROF. DATO' DR. ABDUL SHUKOR HAJI HUSIN**

Naib Canselor

USIM

## GLOSARI



Al-falah	- kejayaan, kemenangan
Changing forces of preferences	- kuasa cita rasa yang berubah
Competitive advantage	- kelebihan bersaing
Complemetarity	- kesalinglengkapan, saling melengkapi
Enabling technologies	- teknologi yang membolehkan
Endogenous	- faktor endogen merujuk kepada faktor dalaman yang dalam kawalan
Exogenous	- faktor eksogen merujuk kepada faktor luaran yang di luar kawalan
Foundry	- perusahaan berkaitan dengan pembuatan acuan logam
Golden crop	- jolokan kepada kelapa sawit sebagai tanaman eksport penyumbang utama kepada pendapatan eksport mendahului eksport getah
Governance	- berkaitan dengan tadbir urus
Learning organisation	- organisasi yang belajar daripada pengalaman
Liberalised	- merujuk kepada keadaan pasaran yang lebih liberal atau kurang ketat
Mismatch	- ketidaksepadanan antara ciri yang diperlukan oleh majikan dengan ciri yang ada pada siswazah
Mono-crop culture	- amalan pertanian berasaskan satu jenis tanaman sahaja
Over-production	- pengeluaran output melebihi permintaan menyebabkan peningkatan dalam stok
Overvaluation	- terlebih nilai
Perceived relations	- hubungan yang dapat dikesan atau dilihat

Plateau	- tahap mendatar
Resilient	- berdaya tahan
Remunerative	- harga yang <i>remunerative</i> bermakna harga yang memberi keuntungan yang lumayan
Reverse investment	- merujuk kepada pelaburan luar negara yang dibuat oleh pelabur Malaysia
Strategic alliance	- perkongsian strategik
Systemic	- memberi kesan yang menyeluruh
Technology positioning	- pemilihan teknologi yang diambil oleh syarikat
Trainers	- jurulatih
Viable	- berdaya maju
Volatility	- keadaan pasaran kewangan antarabangsa yang tidak menentu trendnya
World-view	- pandangan dunia atau global

## RUJUKAN



- Abd. Aziz S.A. Kadir. 1999. Rubber as a Strategic Industry. *Malaysian Rubber Review*. Vol. 2: 29-35.
- Abdul Aziz Abdul Rahman. *Business Times* 20 December 2000.
- Abdul Aziz S.A. Kadir. 1999. Rubber as a Strategic Industry. *Malaysian Rubber Review*. Vol. 2, 29-35.
- Baharudin Awang. 2000. Sektor Pekebun Kecil Getah – Isu dan Cabaran. *Bank Negara Malaysia. 1999. Laporan Tahunan 1998*
- Bank Negara Malaysia. 2000. *Laporan Tahunan 1999*. Box article III. *Business Times*, 20 December 2000.
- Chee Peng Lim. 1992. Managing structural change and industrialization- Heavy industrialisation- The Malaysian experience. Paper presented at *ISIS-HIID Conference on the Malaysian Economy*. 1-3 June, Kuala Lumpur.
- Department of Trade and Industry (UK). 1999. *Our Competitive Future: UK Competitiveness Indicators 1999*. Department of Trade and Industry, United Kingdom.
- Estrada, V.F. 1995. Are your factory workers are know-it-alls? *Personnel Journal*.
- Goh Soo Khoon and Mohammad Haji Alias. 2000. Malaysian Financial Liberalization and Crisis: Reflections on National Response. Paper presented at 25<sup>th</sup> Annual Conference of the Federation of ASEAN Economic Association on the theme *Monetary and Financial Management in Asia in the 21<sup>st</sup> Century*, 7-8 September, Orchard Hotel, Singapore.
- Habib Ahmad and Jose L. Tongzon. 1998. An Investigation of Linkages Among the ASEAN Group of Countries. *ASEAN Economic Bulletin*. August.
- Horibe, F. 1999. *Managing knowledge workers: New skills and attitudes to the intellectual capital in your organization*. Toronto: John Wiley and Sons.
- Jawatankuasa Khutbah Negeri Melaka. Khutbah Jumaat Masjid Bukit Piatu, Melaka, 14 Disember 2001.
- Khaidir Abdul Majid. *Berita Harian*. 30 November 2000.
- Kolej Universiti Islam Malaysia. 2002. *Pelan Strategik Teknologi Maklumat Kampus Tetap KUIM 2002 – 2010*.

# BICARA EKONOMI

Buku ini mengandungi rencana terpilih yang telah disiarkan di Berita Harian dari tahun 2000 hingga 2002 dalam kolum mingguan Bicara Ekonomi. Rencana-rencana mengupas isu ekonomi semasa, isu perladangan dan pekebum kecil serta isu ICT dan pembangunan k-ekonomi. Rencana ditujukan kepada masyarakat umum dengan menerangkan isu-isu semasa secara ilmiah tetapi menggunakan gaya bahasa yang mudah difahami.

Ekonomi Malaysia telah mengalami satu kemelesetan ekonomi yang getir kesan contagion atau penularan daripada krisis kewangan Asia Timur pada tahun 1997-1998. KDNK menguncup sebanyak 7.5% pada tahun 1998 selepas melalui prestasi pertumbuhan ekonomi yang pesat dari 1991 hingga 1996 dengan kadar pertumbuhan purata tahunan 8.7%. Jika tidak dibantu oleh kenaikan signifikan dalam harga komoditi eksport utama seperti minyak sawit, getah dan minyak, kemerosotan ekonomi tentu lebih mendalam lagi.

Tempoh 2000-2002 merupakan tempoh pemulihan semula ekonomi Malaysia yang berpaksikan kepada kawalan modal, penambatan ringgit Malaysia kepada dolar Amerika mulai September 1998 dan pelaksanaan langkah-langkah pemulihan ekonomi seperti digariskan dalam Rancangan Pemulihan Semula Ekonomi Negara yang digariskan oleh Majlis Tindakan Ekonomi Negara.

Bahagian pertama yang membincangkan isu-isu ekonomi umum, penekanan diberi terhadap hakikat Malaysia adalah sebuah ekonomi yang terbuka. Ekonomi negara telah mengalami perubahan struktur yang pesat manfaat daripada penglibatan dalam ekonomi global. Keterlibatan dalam ekonomi global juga mendedahkannya kepada kesan krisis serantau.

Bahagian kedua dibincangkan isu-isu perladangan dan pekebum kecil. Isu ini penting dalam konteks pembangunan sektor luar bandar dan usaha pembasmian kemiskinan dan pengurangan jurang antara bandar dan luar bandar. Analisis menekankan kepada keperluan berikut: penanaman semula kelapa sawit dan getah dengan benih berhasil tinggi; pendekatan bersepadu tidak bergantung kepada satu tanaman sahaja; bagaimana petani boleh mendapat manfaat daripada perkembangan ICT dengan kemasukan negara dalam era k-ekonomi. Bahagian ketiga menekankan kepada isu ICT dan pembangunan k-ekonomi. K-ekonomi adalah sebuah ekonomi yang didorong oleh ekonomi pengetahuan berbanding dengan p-ekonomi yang berteraskan pengeluaran, pembuatan dan pemasangan.

ISBN 978-983-2750-94-3



9 789832 750943